

598:  
MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 5 PETANG HARI INI - 19.6/75)

1975  
KUALA LUMPUR, 19 JUN (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK SANGGUP MELIHAT PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN UNTUK MENJADIKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGHANTAR UTAMA DI UNIVERSITI DALAM NEGERI DI LENGAH-LENGAKKAN DENGAN SEBARANG ALASAN.

BELIAU BERHARAP AGAR TIDAK ADA UNIVERSITI YANG KETINGGALAN APABILA MASANYA TIBA UNTUK MEREKA MEMULAKAN SEMUA KURSUS TAHUN PERTAMA DALAM BAHASA MALAYSIA PADA TAHUN 1983.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENYAMPAIKAN SIJIL KUUSUS INTENSIF BAHASA MALAYSIA KEPADA 48 ORANG KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYA DI SINI HARI INI.

BELIAU PERCAYA TIAP-TIAP UNIVERSITI ADA MENJALANKAN RANCANGAN MASING-MASING MENGENAI PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGHANTAR DI KAMPUS MEREKA.

KATANYA, KERAJAAN BERAZAM UNTUK MELAKSANAKAN DASAR PELAJARAN NEGERI INI DAN TIDAK SANGGUP MELIHAT PERLAKSANAANNYA DI LENGAH-LENGAKKAN DENGAN ALASAN PERSEDIAAN BELUM MENCUKUPI UNTUK MENGUBAH-ALEH BAHASA PENGHANTAR DARI BAHASA INGGERIS KE BAHASA MALAYSIA SEPENUHNYA.

+KERAJAAN TELAH MENGADAKAN SEGALA KEMUDAHAN DAN BANYAK PELUANG UNTUK RAKYAT MEMPELAJARI BAHASA MALAYSIA SEMENJAK KEMERDEKAAN DICAPAI DALAM TAHUN 1957.+ -- BERSAMBIUNG 1559/ZCM

601:  
MAHATHIR. 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENSIFATKAN PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TERUTAMANYA UNIVERSITI KEBANGSAAN SEBAGAI BUKTI BAHAWA BAHASA MALAYSIA DAPAT DIGUNAKAN SEBAGAI BAHASA PENGHANTAR DI PERINGKAT TINGGI KHUSUSNYA DI FAKULTI-FAKULTI SASTERA, SAINS TULIN DAN SAINS SOSIAL.

DI BIDANG-BIDANG LAIN SEPERTI PERUBATAN, KEJURUTERAAN DAN PERTANIAN KEGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGHANTAR TELAH BERTAMBAH MELUAS, TAMBAHNYA.

KATANYA, SEGALA KEJAYAAN INI MERUPAKAN KESUNGGUHAN DAN KESANGGUPAN KAKITANGAN UNIVERSITI TERSEBUT KE ARAH MELAKSANAKAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN SEPENUHNYA MENJELANG 1983 AKAN DATANG.

BELIAU JUGA MEMUJI DASAR BAHASA DI UNIVERSITI MALAYA YANG SEJAJAR DENGAN DASAR PELAJAR KEBANGSAAN UNTUK MENJADIKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGHANTAR DI UNIVERSITI TERSEBUT PADA TAHUN 1983.

MENTERI ITU JUGA MENYERU KELIMA-LIMA BUAH UNIVERSITI DALAM NEGERI Mencari atau mencipta istilah untuk mengatasi kerumitan penggunaan bahasa jika usaha-usaha tidak diselaraskan.

BELIAU MENGGESE TIAP-TIAP UNIVERSITI MEMBERI PERHATIAN YANG WAJAR TERHADAP PENGGUNAAN ISTILAH UNTUK MENGELAKKAN KEKELIRUAN DISAMPING MENOLONG MEMUDAHKAN TERCAPAINYA MATLAMAT PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEPENUHNYA DI UNIVERSITI.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN PENTINGNYA BAHASA MALAYSIA DIBERI NILAI YANG SEWAJARNYA SEBAGAI SALAH SATU KRITERIA BAGI KENAIKAN PANGKAT DI KALANGAN KAKITANGAN AKADEMIK SUPAYA MENGGALAKAN MEREKA MENINGGIKAN LAGI MUTU PENGETAHUAN BAHASA ITU.

INI AKAN MENUNTUNGAN UNIVERSITI DAN JUGA NEGARA, KATANYA.  
-- BERNAMA 1630/ZCM